

26 JAN 2001

UM-Akur

UNIVERSITI MALAYA AKUR NASIHAT PM KEKALKKAN PUSAT ASASI SAINS

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Universiti Malaya (UM), yang akur dengan nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini Pusat Asasi Sains di universiti itu akan terus dibuka seperti yang dinasihatkan oleh Perdana Menteri.

Dalam satu kenyataan, universiti itu berkata ia akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan mengenai perkara itu kerana pengambilan pelajar ke pusat itu tidak dibuat sejak dua tahun lepas setelah penubuhan Pusat Matrikulasi yang dikelolakan oleh kementerian itu.

Pada masa ini UM hanya memantau baki pelajar yang masih ada seramai 196 orang di Pusat Asasi Sains itu yang sebelum ini dijadualkan ditutup April ini.

"Universiti Malaya akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan bagi memastikan pelajar lepasan Pusat Matrikulasi kementerian dapat diambil untuk memenuhi keperluan fakulti-fakulti yang berasaskan sains dan teknologi pada sesi akan datang," kata kenyataan itu lagi.

Jumlah pelajar bumiputera yang diperlukan di fakulti-fakulti berasaskan sains dan teknologi di UM pada sesi hadapan ialah kira-kira 1,750 orang.

Kenyataan itu juga menyebut UM akan berbincang segera dengan Kementerian Pendidikan tentang bagaimana pengambilan pelajar bagi keperluan Pusat Asasi Sains mulai sesi hadapan.

Ia berikutan wujudnya persaingan pengambilan pelajar dengan pusat-pusat matrikulasi kementerian yang menjadi sumber keperluan fakulti berasaskan sains dan teknologi bagi semua universiti tempatan.

Cadangan penutupan Pusat Asasi Sains UM menerima bantahan pelbagai pihak termasuk pensyarah sedia ada, bekas pelajar, cendekiawan dan tokoh politik dan kalangan pemimpin negara.

Isu itu telah dibawa pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Melaka Isnin lepas, yang menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan.

Dr Mahathir hari ini dilaporkan berkata beliau telah memberi nasihat supaya Pusat Asasi Sains di universiti tersebut terus dibuka.

-- BERNAMA

HS ZS NMO